

# Kolej kediaman **USIM berentap**

**K**arnival Sukan Antara Kolej-kolej Kediaman Kali ke-4 (SUKOL 4), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang melabuhkan tirainya baru-baru ini, diungguli Kolej Kediaman 1 selepas menundukkan juara bertahan Kolej Kediaman Acacia Avenue.

Kolej Kediaman Acacia Avenue selaku tuan rumah SUKOL kali ini, sekadar mampu berpuas hati dengan tempat kedua, disusuli Kolej Kediaman

Desa Jati di tangga ketiga.

Pengaruh program itu, Meor Amar Hafizuddin, berkata SUKOL 4 mendapat penyertaan memberangsangkan, termasuk dari Kolej Kediaman Pandan, Kolej Kediaman Sutera Indah dan Kolej Kediaman Nilam Court, di samping Persatuan Pelajar Luar Kampus (OCSS) yang membabitkan pelajar menginap di luar kampus.

"Peserta menampilkan aksi menarik dan kesungguhan dalam setiap acara dipertan-

dingkan, termasuk bola sepak, tarik tali, bola tampar, ping-pong, catur, lumba lari, lompat jauh dan sepak takraw," katanya.

### Menggilap bakat

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, ketika berucap merasmikan majlis penutup SUKOL 4 pula berkata karnival itu bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat malah dapat menggilap bakat pelajar yang



Peserta perbarisan **membuat kejutan dengan memakai topeng** menyeramkan.



Karakter popular **Angry Birds** turut menjadi pilihan peserta dalam perbarisan.

“**PESERTA MENAMPILKAN AKSI MENARIK DAN KESUNGGUHAN DALAM SETIAP ACARA**”

**Meor Amar Hafizuddin,**  
Pengaruh program



Pertandingan bola sepak **antara acara tumpuan**.

berkaliber dalam sukan.

Beliau berkata, mereka yang berpotensi boleh diketengahkan untuk menahut cabaran kejohanan sukan pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

dan Sukan IPT (SUKIPT).

"Saya percaya pembabitkan pelajar yang berbakat dalam arena sukan ini bakal mengharumkan nama USIM, di samping mengasah semangat berpasukan di luar kampus," katanya.